

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

KENAIKKAN SESUATU UMAT DAN KEJATUHANNYA

Maju mundur dan naik turun sesuatu umat adalah perkara biasa dalam masyarakat manusia tetapi tentulah ada sebab-sebabnya dan tentulah pula masa naik dan turunnya itu terhitung daripada masa yang berpeistiwa dalam sejarah dunia. Peristiwa-peristiwa yang demikian ini terkenal di dalam Islam dengan nama : “Hari-hari Allah” dan tiap-tiap seorang yang mencintai agama, bangsa dan tanah airnya tertuntut memberi ingatan dan menyedarkan kaumnya dengan segala kejadian yang bersejarah yang pernah ditempuh oleh bangsanya sebagaimana yang disyaratkan oleh ayat 5 “Surah Ibrahim” firman-Nya:

“...*Wazakkinhum biayya millah innafi zalikalaayatn likullisobbarin syakur*”

“...dan diperingatkanlah mereka dengan hari-hari Allah, bahwa sesungguhnya (peristiwa-peristiwa) yang demikian itu Mengandung tanda-tanda (contoh tauladan yang menjadi iktibar) bagi tiap-tiap orang yang sabar dan syukur.”

SEBAB-SEBAB KEJATUHAN BANGSA ARAB SETELAH MEMUNCAK TINGGI

(oleh Abdullah Basmeh)

Dalam bilangan (21) yang lalu telah dijelaskan lima perkara yang telah menyebabkan bangsa Arab mencapai kemajuan dan tamadun yang terlalu tinggi sehingga telah dapat memerintah sebahagian besar daripada dunia ini. Kejayaan mereka yang cemerlang itu tidaklah lain melainkan kerana mereka telah mengerjakan segala jenis ilmu pengetahuan yang dianjurkan oleh kitab suci Al-Quran.

Tetapi apakah mereka telah mencuaikan sebahagian besar daripada ajaran-ajaran Al-Quran itu maka mereka telah jatuh dan tanah air mereka telah di lapah-lapah oleh orang-orang Barat. Dan semenjak itu muramlah cahaya Islam disebabkan kejatuhan peniar-penyiarnya yang sejati. Sesungguhnya selagi mereka belum mencapai kedaulatan mereka maka selama itulah pula pengaruh Islam akan berkekalan tidak begitu berseeri sebagaimana keadaannya yang gilang gemilang dahulu.

Sungguh tepat sabda junjungan kita :

“*Iza za'lat al arab zala illa Islam.*” (Apabila lemah

pengaruh kekuasaan dan kedaulatan bangsa Arab maka lemahlah Islam.) Tetapi dunia Arab bahkan dunia Islam amnya sekarang sedang bangun menegakkan kedaulatannya masing-masing, ini ialah alamat yang bersempena baik, bahawa fajar Islam sedang menyinar terang benderang!

Tatkala mengupas akan sebab-sebab kejatuhan bangsa Arab –

atau lebih jelas umat Islam amnya – maka Al-Alamah

Tantawi telah menurunkan sepotong ayat daripada surah

An-An'am (ayat yang ke 91) firman-Nya:

“*taj'alunahu qoro'tisa tubdu naha wa takhufuna kathiran*”

(kamu tulis kitab suci itu (Taurat)

di dalam keping-keping kertas yang bercerai-cerai lalu kamu zahirkan kepada ramai akan ajaran-ajarannya yang bersesuaian dengan hawa nafsu kamu dan kamu sembunyikan kebanyakan

kandungannya kerana menyalahi hawa nafsu kamu itu – seperti sifat-sifat Nabi Muhammad yang telah dijelaskannya dengan berterus terang dan lain-lainnya.)

Walaupun ayat suci ini ditujukan kepada kaum Yahudi tetapi – menurut pendapat Syeikh Tantawi adalah menepati juga kepada umat Islam. Lebih lanjut semaklah keterangannya yang berterus terang

Terlintas di hati saya tatkala saya tiba mentafsirkan ayat ini bahawa di sana ada suatu rahsia yang tersembunyi dan ilmu pengetahuan yang wajib disiarkan serta hikmah yang wajib dijelaskan dengan tidak teragak-agak saya melaungkan suara saya kepada seluruh alam Islam dan saya berkata dengan berterus terang bahawa sesungguhnya kehendak ayat suci ini adalah menepati kepada kita orang-orang Islam amnya yang berada di Mesir. Semenanjung Arab, Afrika Utara, negeri Habsyi dan wilayah-wilayah Islam di Afrika, wilayah-wilayah Islam dalam kawasan Rusia, India (dan Pakistan) Tanah Jawa (Semenanjung dan gugusan pulau-pulau Melayu P) dan wilayah-wilayah Islam di benua China. Hebaya-hebaya jangan terpedaya! Kita orang-orang Islam telah melakukan kepada kitab suci kita (Al-Quran) samalah dengan perbuatan kaum Yahudi terhadap kita kitab suci mereka (Taurat). Kita telah menurut jejak bangsa-bangsa asing setapak demi setapak sebagaimana isyarat sabda junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) :

“Latatba’ni sanan min qablikum syubra basyabra, wazara’a bazara’a hatta walau dakholu hijra dob lada khollamuh” (kamu akan mengikut perjalanan orang-orang yang terdahulu daripada kamu: sejengkal demi sejengkal, dan sehasta demi sehasta, hingga walaupun mereka memasuki lubang biawak pasir nescaya kamu akan memasukinya juga.)

“Sebenarnya kita sekarang telah pun memasuki lubang biawak pasir itu dan saya telah melihat lubang itu dengan mata kepala saya sendiri. Tetapi malangnya kebanyakan orang ramai tidak menampaknya kerana mereka sedang berjejal

di dalamnya.”

Di sini Syeikh Tantawi telah mendapat teguran yang keras daripada seorang sahabatnya. Hal ini telah ditulis olehnya katanya:

“dalam masa saya menulis keterangan-keterangan ini, tiba-tiba seorang sahabat saya telah menegur dengan katanya : apa yang tuan telah tulis ini? Tidakkah ini kafir semata-mata? Kata-kata yang demikian tidak akan ditulis oleh seorang yang berakal lelaki yang beriman. Sepatutnya jangan tuan menulis yang demikian di dalam kitab tafsir supaya orang ramai jangan terikut-ikut kepada yang zahir dan menuduh tuan dengan tuduhan yang tidak digemari oleh tuan.”

Mengapa pula boleh berlaku yang demikian? Bertanya saya, kerana tuan telah menerangkan bahawa sebahagian daripada kandungan Al-Quran telah disembunyikan oleh orang-orang Islam dan dengan itu seolah-olah tuan menuduh bahawa Nabi Muhammad (SAW) tidak menyampaikan akan sebahagian yang tersembunyi itu atau seolah-olahnya tuan menuduh bahawa kitab suci Al-Quran tidak lengkap, sedang tuduhan yang seperti itu adalah kafir semata-mata, jawabnya.

“Sabarlah sahabat, jangan terburu-buru menuduh saya, kata saya kepadanya, kalaulah terlintas fikiran yang demikian kepada saya nescaya saya tidak akan mendapat alasannya, baik menurut akal atau menurut naqli.”

“Kalau begitu apa pula ertinya kata-kata tuan bahawa orang-orang Islam telah menyembunyikan sebahagian daripada perintah-perintah agama?” Tanya sahabat saya itu lagi.

“Tidakkah sahabat mengetahui bahawa arang batu, besi, dan tembaga merah telah dikeluarkan orang dari perut bumi semenjak zaman purba kala?”

“Bahkan” jawabnya.

“Demikian juga wang, kelihatan kepada orang ramai barang di mana sahaja – dalam masa lalu lalang dan di rumah tangga-rumah tangga mereka.” Kata saya lagi.

(sambungan pada muka 38)

(sambungan dari muka 5)

“Bahkan” – jawabnya.

“Dengan itu menjadilah arang batu dan emas yang telah diketahui oleh orang ramai serta lain-lain logam telah disedari oleh mereka akan gunanya. Ada pun wap yang telah disaksikan dengan mata kepala mereka dalam makanan dan minuman serta barang-barang masakan mereka maka mereka tidak mengetahui akan hasilnya dan kerana itu mereka telah luput daripada menerima faedahnya.”

Jawabnya.

Demikianlah halnya Al-Quran maka sahabat akan mendapati ayat yang memperikan hukum wuduk dan ayat-ayat yang memperikan hukum-hukum haji dan sembahyang telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh imam-imam mazhab yang kebilangan itu radiyallahu anhum ajmain sehingga tidak ada sesiapa-sesiapa yang berkehendakkan huraian lagi. Demikian juga lain-lain hukum. Beribu-ribu kitab telah dikarang oleh ulama Islam dalam masa yang tiga belas kurun itu menjelaskannya satu persatu sehingga akal fikiran dan kehendak-kehendak orang ramai telah tertumpu kepada hukum-hukum yang tersebut dengan tidak mereka mementingkan perkara-perkara yang lain lagi dan sehingga menjadilah kitab Quran itu dibaca untuk diambil berkatnya sahaja dan dengan itu hilanglah tujuan yang utama daripada membacanya.

“Apakah bezanya di antara firmannya : *“Aghsilu ujuhakum”* (basuhlah kamu akan muka-muka kamu). Dengan firmannya: *“fabhadahum iqtadahū”* (maka dengan pertunjuk mereka – Nabi-nabi itu – berpandulah oleh mu – hai Muhammad.)

“Dan apakah bezanya di antara firmannya: *“walabuyahu likulli wahid minhuma sudus mimma taroq in kana lahu waladu”* (dan bagi kedua ibu bapanya, bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah seperenam daripada barang yang telah ditinggalkan olehnya, kiranya ia ada anak lelaki). Dengan firmannya: *“falamma ra’ailqamaru bazagha qala haza rabbi..”* (maka apabila ia – Nabi Ibrahim – melihat bulan

Terbit, berkatalah ia : ini ialah Tuhanku.....)

Tidaklah pula ayat yang mengenai hukum pusaka itu telah diterangkan Tuhan dengan panjang lebar, dan tidak pula ayat-ayat yang menyuruh menyaksikan dan mengkaji akan kedudukan bintang-bintang, matahari, bulan, barang-barang galian (logam) tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang, dan penyiasatan yang mengenai belah membelah (al-tasyrik) telah dihuraikan oleh Tuhan dengan panjang lebar. Tidakkah semuanya ini isi Al-Quran?

Bagaimana pula tentang firmannya: *“wa annalahul hadid”* (dan kami telah melembutkan besi baginya – yakni bagi Daud) dan firmannya : *“wa sakhoronalahū al’rihk”* (dan kami telah mudahkan angin baginya – yakni bagi Nabi Sulaiman) dan firmannya lagi: *“wa sakhorolakum ma fis samawati wa ma fil ardhi jaman minhu”* (dan ia telah memudahkan bagi kamu akan barang yang terkandung di langit dan barang yang terkandung di bumi semuanya – ialah limpah kurnia – daripadanya). Kalau Nabi-nabi telah dikurniakan sebahagian daripada nikmat-nikmatnya yang besar itu maka Tuhan telah mengurniakan segala-segalanya yang terkandung di langit dan di bumi kepada sekalian hambanya. Tuhan telah berfirman menghendaki Nabi Muhammad (SAW) berpandu kepada nabi-nabi yang terdahulu, sedang nabi-nabi itu ada yang telah bersyukur kepada Tuhan kerana nikmat angin ada yang telah bersyukur kepadanya kerana nikmat besi dan lain-lain logam, ada yang telah menyelidiki perihal matahari, bulan dan bintang-bintang, dan seterusnya. Apa tidakkah sepatutnya kita menyambut nikmat-nikmat Allah sambil kita menyelidiki akan segala apa yang terkandung di dalam bumi dan langit kerana menurut jejak nabi-nabi dan kerana menghormati firman-Nya: “dan ia telah memudahkan bagi kamu akan isi langit dan bumi, semuanya adalah kurnia yang limpah – daripadanya”

Sedang balasan orang yang tidak membesarkan nikmat-nikmat tersebut ialah luput daripada menerima sebarang faedah yang terkandung di dalamnya. Syukur akan sesuatu nikmat tidak ada ertinya kalau tidak kita menggunakan nikmat itu menurut bagaimana yang sepatutnya. Tidakkah kita telah disuruh